

**YBHG TUAN HAJI MOHD NAJIB BIN HAJI ABDULLAH
-MANTAN PENDAFTAR**

SESI TEMUBUAL PADA – 22 MAC 2018

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg Tuan, saya Muhammad Lukman Bin Harun, Pustakawan Kanan UniSHAMS ingin menemubual YBhg Tuan Haji untuk pengisian bahan di dalam Galeri.

- S. *Sebagai mantan Pendaftar INSANIAH dan turut terlibat semasa naik taraf INSANIAH kepada Kolej Universiti pada tahun 2006, apakah pandangan YBhg Tuan di atas naiktaraf INSANIAH kepada Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah atau UniSHAMS?*
- J. **Seperti yang diketahui, Institut Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (INSANIAH) ditubuhkan pada tahun 1994 dan mula beroperasi pada tahun 1995 di Taman Perindustrian Ringan Seri Mergong, Jalan Gangsa. Pada tahun 1998, INSANIAH telah berpindah ke Taman Wira Mergong, bangunan hasil sumbangan Kerajaan Negeri Kedah. Kemudian pada tahun 2013, telah berpindah ke Kampus Tetap Kuala Ketil atas usaha Tan Sri Ustaz Azizan Bin Abdul Razak, Menteri Besar Kedah ketika itu.**

Baru-baru ini, KUIN telah dinaiktaraf kepada universiti penuh, tahniah diucapkan sebab dapat taraf universiti penuh dan didoakan semoga matlamat, misi dan visi UniSHAMS dapat dicapai sepenuhnya.

- S. *Dari pengalaman YBhg Tuan, apakah faktor yang menyebabkan pelajar memilih INSANIAH untuk melanjutkan pengajian?*
- J. **Pada pandangan saya, faktor yang menyebabkan pelajar memilih INSANIAH untuk menyambung pengajian disebabkan penawaran kursus pengajian Islam kerana untuk menyambung pengajian adalah di Timur Tengah, bagaimanapun dengan adanya INSANIAH ia merupakan satu alternatif kepada para pelajar.**
- S. *Pada pendapat YBhg Tuan, apakah tindakan atau strategi pemasaran yang perlu diambil oleh UniSHAMS bagi meningkatkan jumlah pelajar yang diperlukan oleh sebuah universiti?*
- J. **Semasa awal penubuhan INSANIAH, pihak pengurusan telah mengadakan aktiviti mencari pelajar dengan melakukan lawatan ke luar negara dengan meminta pihak pengurusan sekolah berkaitan menghantar pelajar melanjutkan pengajian ke INSANIAH.**

Antaranya melakukan lawatan bersiri ke Negara China dengan kerjasama sekolah-sekolah di negara tersebut menyebabkan bilangan pelajar dari Negara China melanjutkan pengajian ke INSANIAH bertambah.

Di samping itu, melalui lawatan promosi ke Selatan Thailand hingga ke Bangkok hasilnya bilangan pelajar dari Thailand meningkat lebih 100 hingga 150 orang setiap tahun melanjutkan pengajian ke INSANIAH.

- S. *YBhg Tuan adalah pegawai yang bertanggungjawab menguruskan Istiadat Konvokesyen dari yang pertama dan pastilah ada kenangan manis bersama Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah selaku Canselor INSANIAH, boleh tuan kongsi kenangan tersebut?*
- J. **Istiadat Konvokesyen atau di peringkat awalnya dikenali dengan nama Hafluttakharruj merupakan istiadat yang bersejarah kepada semua graduan IPT. Tugas Pendaftar adalah menguruskan hal-hal berkaitan majlis penyerahan ijazah. Almarhum Tuanku Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah selaku Canselor INSANIAH, sepanjang istiadat Almarhum Tuanku akan berusaha untuk hadir bagi menyempurnakan istiadat. Almarhum Tuanku menunjukkan minat yang sangat tinggi dalam bidang ugama dan sangat prihatin untuk hadir semua istiadat konvokesyen.**
- S. *Apakah harapan YBhg Tuan kepada UniSHAMS dan juga graduan yang telah tamat belajar dari UniSHAMS?*
- J. **Pada pandangan peribadi saya, saya berharap semoga semua graduan yang dilahirkan oleh UniSHAMS selaras dengan misi dan visi UniSHAMS dan insha Allah, graduan akan diterima dalam masyarakat di Malaysia.**
- S. *Besarliah harapan kami, Ahli Jawatankuasa Kerja Galeri UniSHAMS sekiranya YBhg Tuan Haji sudi menyumbang apa-apa dokumen, foto, artifak atau apa sahaja yang berkaitan dengan INSANIAH untuk diabadikan di dalam Galeri UniSHAMS.*
- J. **Insha Allah, sekiranya ada foto atau dokumen berkaitan akan serahkan kepada Galeri UniSHAMS.**